



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Panduan guna Macbook

ADAKAH cara dan amalan yang baik untuk mengendalikan komputer riba MacBook?

- **KEN, Jerteh.**

Seterusnya dibincangkan beberapa amalan baik dalam pengendalian komputer riba MacBook keluaran syarikat Apple. Kaedahnya lebih kurang sama dengan penjagaan komputer riba yang lain kecuali bahagian dalamannya atau pada sistem pengoperasian.

- 1** Sentiasa melakukan kemas kini bagi sistem pengoperasian dalam komputer MacBook.
- 2** Elakkan ruangan storan dalam cakera keras terlalu penuh. Anggaran minimum dalam antara lima hingga 10 peratus ruangan tersebut dikosongkan.
- 3** Penggunaan aplikasi *Disk Utility* untuk menyamak sebarang kerosakan fail dalam sistem komputer.
- 4** Tutup sepenuhnya komputer riba MacBook sekiranya tidak digunakan untuk penjimatan bateri.
- 5** Setiap hari, kosongkan ruang simpanan yang terdapat dalam *Trash*.
- 6** Cuba minimumkan sedikit yang boleh bilangan item yang terdapat pada ruangan *Desktop*. Bilangan item yang banyak memerlukan penggunaan ruangan memori RAM yang tinggi.
- 7** Penggunaan pelindung papan kekunci untuk elak daripada sebarang kekotoran, habuk atau bendasing.
- 8** Penggunaan alat untuk menegakkan komputer dapat memberi pengudaraan yang baik dan mengurangkan kepanasan haba pada komputer riba MacBook. Elakkan daripada meletakkan komputer di atas tempat yang tidak rata seperti atas katil dan lain-lain.
- 9** Penggunaan storan sekunder lebih baik dengan menaik taraf cakera keras kepada storan yang berasaskan cip atau SSD (*Solid State Drive*).
- 10** Sekiranya banyak penggunaan yang melibatkan bahan multimedia seperti video, animasi dan lain-lain, tingkatkan kapasiti memori RAM.
- 11** Perlaksanaan kembalikan semula konfigurasi sistem komputer riba itu pada keadaan asalnya sekali setiap tahun.
- 12** Elakkan daripada alat pengecas bateri komputer riba sentiasa dipakai sekiranya kadar cas bateri sudah mencapai hampir 100 peratus untuk memanjangkan jangka hayat bateri.
- 13** Sekiranya menggunakan pelayar web, pastikan hanya menggunakan satu tablet sahaja untuk paparan sesebuah laman web bagi prestasi larian komputer lebih laju.